

ASEAN bincang kemajuan ICT



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat (tujuh, kiri) mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam bagi Mesyuarat Menteri-Menteri Telekomunikasi dan Teknologi Maklumat ASEAN Kali Ke-17 (TELMIN) dan mesyuarat berkaitannya yang diadakan di Siem Reap, Kemboja pada 30 November hingga 1 Disember 2017.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Perhubungan

Jadikan kebersihan amalan harian



MAHASISWA dan mahasiswi Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) menyertai kawalan kebersihan sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1439 Hijrah / 2017 Masihi di ibu negara.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 2 Disember. - Seramai 25 mahasiswa dan mahasiswi Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan 150 mahasiswa dan mahasiswi Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) menyertai kawalan kebersihan bagi acara Perhimpunan dan Perarakan Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1439 Hijrah / 2017 Masihi.

Penyertaan mahasiswa dan mahasiswi UNISSA adalah bagi membantu semasa acara perhimpunan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin yang sedang dilangsungkan, manakala mahasiswa dan mahasiswi KUPU SB membantu sebaik sahaja pasukan perarakan tiba daripada mengikuti perarakan tersebut. Penyertaan tersebut merupakan kesinambungan daripada penyertaan beberapa persatuan atau pertubuhan bukan kerajaan

yang telah ikut serta dalam kerja-kerja membersihkan atau kawalan kebersihan semasa acara Perasmian Taman Mahkota Jubli Emas pada 22 Oktober 2017 yang lalu.

Pada mulanya mereka itu adalah di bawah seliaan pihak JASTRE, manakala pihak Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan (JB BSB) juga mendapat bantuan tenaga kerja sukarela daripada beberapa pihak syarikat swasta.

Sehubungan dengan itu, salah sebuah persatuan sukarelawan tersebut iaitu 'Green Brunei' yang kebanyakannya terdiri daripada para penuntut atau mahasiswa dan mahasiswi Institusi Pengajian Tinggi di negara ini, maka JB BSB berbesar hati dengan penyertaan tersebut, walau bagaimanapun JB BSB melalui Bahagian Khidmat Bantu dan Pemeliharaan Kenderaan tertarik untuk mempelawa KUPU SB dan UNISSA bagi menyertai kerja-kerja sukarela itu memandangkan kedua institusi ini sesuai dengan suasana acara yang berbentuk keagamaan peringkat negara.

Tujuan penyertaan tersebut diadakan adalah untuk memberikan pendedahan kepada masyarakat bahawa kawalan atau penjagaan kebersihan bukanlah hanya menjadi tanggungjawab JB BSB semata-mata, namun seluruh masyarakat pada amnya.

Adalah diharapkan dengan adanya penyertaan mereka itu akan timbul atau bertambahlah kesedaran serta keprihatinan masyarakat atau lebih peka dengan hal ehwal kebersihan, sesuai dengan falsafah negara Melayu Islam Beraja yang dikenali jua sebagai Negara Zikir.

Kerja-kerja kebersihan atau kawalan kebersihan bukan hanya untuk hari-hari kebesaran sahaja, malah perlu diamalkan setiap hari untuk menjaga kebersihan bandar dan ibu kota.

SIEM REAP, KEMBOJA, Ahad, 3 Disember - Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam bagi Mesyuarat Menteri-Menteri Telekomunikasi dan Teknologi Maklumat ASEAN Kali Ke-17 (TELMIN) dan mesyuarat berkaitannya yang diadakan di Siem Reap, Kemboja pada 30 November hingga 1 Disember 2017.

Mesyuarat TELMIN Ke-17 dan mesyuarat berkaitannya telah didahului dengan Mesyuarat Pegawai Kanan Telekomunikasi dan Teknologi ASEAN Ke-18 (TELSOM Ke-18) dan mesyuarat berkaitannya yang diadakan dari 27 - 29 November 2017. Mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam untuk mesyuarat itu ialah Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Haji Azhar bin Haji Ahmad dan disertai oleh Pegawai-pegawai Kanan dari Kementerian Perhubungan dan Pihak Berkuasa bagi Industri Teknologi Info Komunikasi Brunei Darussalam (AITI).

TELMIN Ke-17 telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Tetap, Pemangku Menteri yang bertanggungjawab di Pejabat Majlis Menteri-Menteri, Wakil Tertinggi Samdech Akka Maha Sena Padei Techo Hun Sen, Perdana Menteri Kemboja, Tuan Yang Terutama, Tuan Bin Chhin.

Semasa Majlis Perasmian, Yang Berhormat Menteri Perhubungan, menyampaikan ucapannya sebagai Ketua Pengerusi TELMIN yang antara lain menyentuh mengenai Ulang Tahun ASEAN Ke-50 dengan menggambarkan secara ringkas mengenai kemajuan dan pencapaian ASEAN dalam kerjasama kemajuan dan keamanan ekonomi.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai Indeks Pembangunan ICT 2017 yang diterbitkan oleh Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU) yang menawarkan penanda aras berguna dalam pembangunan ICT dengan mengambil kira

keperluan utama akses, penggunaan dan kemahiran.

Oleh itu, jangkaan peluang dan cabaran yang timbul daripada inovasi Revolusi Perindustrian Ke-4 menekankan agar ASEAN harus berusaha untuk melabur dalam infrastruktur dan modal insan untuk meningkatkan kesediaan ICT serta mengurangkan kewujudan jurang digital dalam ASEAN.

Mesyuarat TELMIN ASEAN Ke-17 dipengerusikan oleh Menteri Pos dan Telekomunikasi, Kemboja, Tuan Yang Terutama Tram Iv Tek bertemakan 'ICT Keberkaitan dan Kesyediaan: Ke Arah Komuniti Bersepadu Secara Digital'.

Hasil utama TELMIN ASEAN Ke-17 termasuk Pelaksanaan Pelan Induk ICT ASEAN 2020; Deklarasi Siem Reap; dan Kerjasama dengan Negara Rakan Dialog.

Kementerian Perhubungan dan AITI meletakkan kepentingan dan keutamaan yang tinggi terhadap TELSOM / TELMIN ASEAN, sebagai platform utama, di mana kerjasama serantau dapat dimanfaatkan untuk mencapai kemajuan ke arah meningkatkan hubungan untuk Negara Brunei Darussalam.

Melalui TELSOM / TELMIN ASEAN, keupayaan pihak berkepentingan tempatan juga dapat diperkayakan melalui peluang rangkaian, pembinaan kapasiti manusia, pengharmonian piawaian, memupuk kreativiti dan inovasi di peringkat ASEAN.

Oleh itu, Kementerian Perhubungan sangat menggalakkan penyertaan pihak berkepentingan tempatan dan secara aktif berinteraksi dengan rakan serantau mereka dalam projek-projek kerjasama di bawah AIM2020.

Dalam hal ini, AITI sebagai agensi pelaksana dan penyelaras akan terus melibatkan lebih banyak pemain tempatan dan pihak berkepentingan, dan memudahkan penyertaan mereka dalam projek-projek kerjasama mengenai ASEAN.